

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**  
**DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN  
DARIPADA : YB PUAN NURUL IZZAH BIN ANWAR  
KAWASAN : LEMBAH PANTAI  
TARIKH : 10.11.2014 (ISNIN)  
NO. SOALAN : ~~11~~ 12

YB PUAN NURUL IZZAH BIN ANWAR (LEMBAH PANTAI) minta MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI menyatakan:-

- a. Apakah pendirian rasmi kerajaan Malaysia berkenaan hubungan perdagangan Malaysia dengan Israel; dan
- b. Senarai syarikat-syarikat Malaysia yang mengeksport produk-produk kelapa sawit, getah, koko Malaysia ke Israel, serta jumlah nilai eksport produk-produk tersebut.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di Pertua,

Ingin dimaklumkan bahawa Malaysia tidak mempunyai sebarang hubungan diplomatik dengan Israel dan tidak mempunyai hubungan ekonomi secara rasmi dengan Israel. Namun begitu, perdagangan antarabangsa lazimnya dikendalikan oleh syarikat-syarikat antarabangsa atau multinasional (MNCs) melalui rangkaian bekalan antarabangsa (*international supply chain*) mereka.

Beberapa syarikat antarabangsa yang beroperasi di Malaysia terlibat dalam amalan rangkaian bekalan antarabangsa (*global supply chain*) dan Israel adalah sebahagian daripada rangkaian tersebut. Amalan perniagaan dan pelaburan antarabangsa ini adalah di luar kawalan Kerajaan.

Selain amalan rangkaian bekalan antarabangsa, aktiviti perdagangan lain juga berlaku untuk terus menyokong pembangunan ekonomi Palestin. Ini kerana, semua produk eksport Malaysia yang dikhususkan untuk pasaran ke Palestin dan Wilayah Gaza perlu melalui Pelabuhan Ashdod, Ilat dan Haifa di wilayah Israel memandangkan pelabuhan di Gaza masih dikepung oleh tentera laut Israel.

Urusan pentadbiran perdagangan seperti yang dijelaskan sebelum ini, memerlukan kelulusan lesen import dan eksport di mana barangan berasal dari, melalui atau ke Israel tertakluk kepada Perintah Kastam (Larangan Mengenai Import) 2012 dan Perintah Kastam (Larangan Mengenai Eksport) 2012.